

KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU PELAJAR

Nurul Solehah Che Rumli¹ & Zakiah Jamaluddin²

¹ *Universiti Utara Malaysia, Malaysia, nurulsolehah24@gmail.com*

² *Universiti Utara Malaysia, Malaysia, zakiah@uum.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku pelajar sekolah. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang melibatkan seramai 119 orang pelajar tingkatan satu di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok, Kedah. Hasil kajian mendapati pelajar pelajar masih tahu untuk menjaga hal berkaitan peribadi semasa melayari internet dan disebabkan itu pelajar tidak mudah terpengaruh dengan kesan negatif dalam media sosial. Pelajar masih dapat mengawal tingkah laku mereka kerana faktor ibu bapa yang sering memantau pelajar semasa menggunakan media sosial. Oleh itu, ibu bapa dan pihak sekolah diharapkan untuk terus memantau aktiviti pelajar semasa menggunakan media sosial serta tingkah laku pelajar semasa berhubungan dengan individu lain.

Katakunci: media sosial, penggunaan, tingkah laku, pelajar sekolah

PENGENALAN

Perkembangan kemajuan teknologi seperti kemudahan internet secara tidak langsung telah mewujudkan pelbagai aplikasi media sosial. Penggunaan internet telah menyebabkan kepesatan teknologi secara berperingkat dan secara tidak langsung mengubah cara manusia berkomunikasi dan berinteraksi di antara satu sama lain (Lee-Post, 2009). Kesannya, pelbagai aplikasi rangkaian sosial telah dicipta sebagai medium perhubungan seperti aplikasi *WeChat*, *Facebook*, *Skype*, *WhatsApp*, *BeeTalk* dan *Instagram* yang seterusnya mengakibatkan ketagihan kepada penggunaannya terutama kepada golongan remaja. Populariti media sosial tidak dapat disangkal lagi, tambahan pula media sosial dapat diakses hanya dengan menggunakan telefon pintar. Hebahan berita-berita sensasi menjadikan media sosial sebagai medium perantaraan yang terpenting dan sangat digemari oleh rakyat Malaysia khususnya kepada remaja (Azila Zaini, 2014). Namun demikian, penggunaan media sosial yang tidak terkawal mampu memberikan kesan yang negatif berbanding kesan positif kepada pengguna.

Berdasarkan pemilikan telefon pintar mengikut peringkat pendidikan pula, penggunaan yang paling tinggi adalah pelajar sekolah menengah iaitu sebanyak 60% manakala kedua tertinggi pula daripada pelajar pengajian tinggi sebanyak 40%. Hal ini jelas membuktikan bahawa pengaruh pengguna telefon pintar sangat tinggi bagi golongan kanak-kanak dan remaja (Laman web rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2017). Penggunaan telefon pintar bagi remaja akan memberi kesan yang sama terutama kepada penggunaan internet atau *online activity*. Melalui laman rasmi yang sama, penggunaan internet yang paling tinggi dalam kalangan remaja adalah berdasarkan komunikasi atas talian iaitu sebanyak 96.3%, mengikuti media sosial sebanyak 89.3%, mendapatkan maklumat sebanyak 86.9%, mendengar musik secara atas talian sebanyak 72.7%, menonton dan muat turun video sebanyak 70% dan nilai yang rendah berbanding yang lain ialah mencari bahan pembelajaran secara atas talian sebanyak 68.6%

(Laman web rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2017). Ini bermakna berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan remaja sangat terdedah kepada kesan negatif daripada media sosial. Secara tidak langsung golongan remaja ini akan lebih mudah terpengaruh dengan apa yang mereka layari. Tidak dinafikan ada pelajar sekolah yang menggunakan media sosial sebagai medium untuk mereka mendapatkan ilmu yang baharu tetapi kesan negatif daripada media sosial lebih banyak daripada kesan positif.

Pelajar yang terlibat dengan media sosial lebih cenderung untuk mengenali rakan baharu melalui aplikasi yang disertai mereka. Sebagai contoh, *Facebook* merupakan aplikasi yang terbesar digunakan oleh ramai orang untuk berkongsi perasaan dan pandangan mereka (Bank & Tat, 2014). Namun kebanyakan pengguna media sosial melakukan sikap yang kurang menyenangkan kerana menggunakan bahasa tidak senonoh, pengaruh buruk, dan gangguan seksual. Mereka boleh berjumpa dan secara tidak langsung masalah sosial akan mula timbul contohnya penyalahgunaan bahan, terlibat dengan rempit dan berzina. Kesannya ramai remaja akan rosak terutama remaja perempuan apabila lahirnya anak luar nikah hasil penzinaan yang hanya bermula daripada rangkaian media sosial (Sitiezaleila Mustafa, 2016). Sebagai contoh, seorang remaja diperkosa dan ditinggalkan di tepi jalan dengan kenalan baru daripada media sosial melalui aplikasi *WeChat* (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2016).

Seterusnya, media sosial akan memberi kesan dan pengaruh kepada remaja terutama berkaitan dengan video yang berunsur 'ganas' dan tidak sesuai untuk ditonton oleh remaja berkenaan (Abdul Halim Ahmad & Mohd Najib Husin, 2016). Melalui 'kuasa yang tular' juga remaja mudah terikut untuk mencuba dengan perkara baru berdasarkan apa yang mereka lihat. Mereka cenderung untuk berlumba-lumba menyahut cabaran dan menjadi yang terhebat di antara mereka. Justeru, kajian ini penting bagi mengenalpasti kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku pelajar.

METODOLOGI


Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk tinjauan. Kaedah tinjauan (*survey*) telah melibatkan keseluruhan pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok, Kedah.

Bilangan sampel yang dipilih adalah berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan iaitu responden terdiri daripada keseluruhan pelajar tingkatan satu yang hadir, memiliki telefon pintar dan tinggal bersama ibu bapa di sekitar kawasan Sintok. Seramai 119 orang pelajar terlibat daripada 137 orang pelajar keseluruhan tingkatan.

Soal selidik diambil dan diubahsuai daripada Azizi Yahaya, Gooch Mo Lee, Halimah Ma'alip dan Ronnel Dunggi (2014) menggunakan Skala Likert iaitu (1) sangat tidak setuju hingga (5) sangat setuju. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Science (SPSS) Windows* versi 25.

HASIL KAJIAN

Dalam kajian ini, seramai 66 orang (55.5%) pelajar lelaki dan 53 orang (44.5%) pelajar perempuan dipilih sebagai responden. Majoriti pelajar adalah daripada bangsa Melayu iaitu sebanyak 118 orang (99.2%) manakala hanya seorang (0.8%) terdiri daripada lain-lain bangsa.



Rajah 1 : Bilangan jam melayari media sosial


Rajah 1 menunjukkan bilangan jam melayari media sosial bagi pelajar sekolah. Didapati majoriti pelajar melayari media sosial kurang daripada dua jam dalam sehari (47.90%). Jadual 1 pula menunjukkan bilangan jam bagi pelajar melayari media sosial dengan jenis aplikasi yang digunakan. Berdasarkan bilangan jam melayari media sosial dan jenis aplikasi, penggunaan kurang dua jam lebih banyak bagi aplikasi *WhatsApp* iaitu sebanyak 58 orang. Manakala penggunaan media sosial lebih daripada enam jam, lebih banyak bagi yang menggunakan aplikasi *Youtube* (12 orang).

Jadual 1: Jumlah bilangan jam dengan jenis aplikasi di media sosial

Bilangan jam melayari media sosial	Jenis aplikasi media sosial					
	<i>Facebook</i>	<i>WeChat</i>	<i>Instagram</i>	<i>WhatsApp</i>	<i>Youtube</i>	Lain-lain
Kurang 2 jam	38	16	47	58	46	11
2-4 jam	5	8	25	19	34	7
5-6 jam	4	1	14	16	14	8
Lebih 6 jam	0	0	8	10	12	7
Jumlah	47	25	94	103	106	33

N=119

Rajah 2 menunjukkan bilangan jenis media sosial yang sering digunakan oleh pelajar. Jenis media sosial yang menjadi tumpuan pelajar ialah aplikasi *Instagram* dan *Youtube* iaitu sebanyak 29.41% dan seterusnya diikuti oleh aplikasi *WhatsApp* sebanyak 25.21%. Selain itu, lain-lain aplikasi juga turut menjadi pilihan pelajar (10.08%), *Facebook* (4.20%) dan *WeChat* (1.69%). Secara keseluruhan, aplikasi yang paling popular dan sering digunakan oleh pelajar ialah aplikasi *Instagram* dan *Youtube*. Pelajar dilihat lebih gemar untuk berkongsi gambar melalui *Instagram*. Selain itu juga, mereka menggunakan aplikasi *Youtube* untuk mendapatkan info tambahan secara visual dengan menonton video.



Rajah 2: Jenis media sosial yang sering digunakan oleh pelajar

Jadual 2 menunjukkan kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku pelajar. Hasil kajian mendapati nilai min yang tinggi adalah 'media sosial menyebabkan saya melakukan perkara yang positif' (3.9748) dan 'Saya menolong rakan saya jika dia disakiti oleh pihak lawan' (3.8908). Manakala nilai min yang paling rendah pula terdapat pada item 'media sosial menyebabkan saya sering merosakkan kemudahan awam' (1.5798) dan 'media sosial menyebabkan saya mengugut seseorang' (1.6218).

Jadual 2: Nilai min bagi kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku

Item	Min	Sisihan piawai
Media sosial memberikan kesan positif kepada tingkah laku:		
Saya terdorong untuk melakukan sesuatu yang baru	3.1092	1.03980
Saya mengikut tingkahlaku dalam media sosial	2.4622	1.00667
Saya meluahkan perasaan dengan rakan dalam media sosial	2.7899	1.10372
Saya bebas daripada dikawal oleh orang lain	2.7815	1.17285
Saya melakukan perkara yang positif	3.9748	0.92482
Saya mengenali pasangan daripada media sosial	2.4286	1.21133
Saya menjadi lebih berani untuk bertindak dalam sesuatu perkara	3.2185	1.00135
Saya tidak berminat permainan berunsurkan judi	2.9328	1.70110
Saya jarang menggunakan perkataan yang kurang sopan/lucah	3.0168	1.17158
Saya mudah terpengaruh dengan perkara baru yang tular dalam media sosial	2.5966	1.07608
Saya menolong rakan saya jika dia disakiti oleh pihak lawan	3.8908	0.91864
Saya terdorong untuk menyertai kumpulan yang ada di media sosial dan mengikut perkembanganya	2.4454	1.19105

Saya tidak pernah terlibat dengan buli siber	2.9748	1.44070
Media sosial memberi kesan negatif kepada tingkah laku pelajar:		
Saya sering meniru aksi video yang ditonton dalam media sosial	2.8487	1.07071
Saya terlibat dalam cinta siber dengan rakan chatting yang baru dikenali	1.9496	1.07237
Saya memiliki alat yang boleh membahayakan seseorang	1.9076	1.01674
Saya sering merosakkan kemudahan awam	1.5798	0.87813
Saya mengugut seseorang	1.6218	0.85362
Ibu bapa tidak melarang saya menggunakan media sosial	2.7143	1.10578
Ibu bapa membiarkan saya menggunakan media sosial tanpa had	2.1849	1.11208
Ibu bapa tidak menegur saya menggunakan media sosial walaupun tidak mengulangkaji pelajaran	1.8403	1.06551
Saya berasa tertekan jika mendapat kecaman daripada orang lain melalui media sosial	3.3025	1.19003

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa pelajar mungkin mudah untuk mempelajari sesuatu yang positif serta mengadaptasikan apa yang dilihat semasa menggunakan media sosial dengan melakukan tingkah laku yang baik dengan persekitaran di sekeliling mereka sama ada ibu bapa, rakan-rakan dan guru-guru. Hal ini dapat membuktikan bahawa media sosial merupakan satu platform yang turut menyediakan perkara positif dan boleh dijadikan sebagai pengajaran untuk dicontohi dalam kehidupan seharian pelajar.

Kajian ini juga turut menunjukkan sejauhmana perhatian yang ibu bapa berikan kepada anak-anak mereka semasa melayari internet. Kajian ini sangat menyokong dengan kajian yang dilakukan oleh Rickless Das, Hj. Bahari dan Habibie Ibrahim (2014), yang menekankan bahawa peranan dan gaya keibubapaan sedikit sebanyak memberi kesan kepada tingkah laku pelajar semasa menggunakan internet aplikasi dalam media sosial. Menurut pengkaji, jenis gaya keibubapaan seperti autoritatif, autoritarian dan permisif secara tidak langsung memberi kesan yang tersendiri kepada tingkah laku pelajar melalui kawalan terhadap penggunaan internet. Ini bermakna ibu bapa turut menyumbang kepada kesan tingkah laku anak-anak melalui penggunaan media sosial.

Seterusnya, hasil dapatan dalam kajian ini menyangkal kajian berkaitan pengaruh media berunsur agresif dan kesan tingkah laku pelajar sekolah menengah oleh Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip dan Ronnel Dunggi (2014) kerana menurut mereka pelajar mempunyai tingkah laku agresif pada tahap sederhana akan terus melakukan tingkah laku negatif. Oleh itu, Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip dan Ronnel Dunggi (2014), mencadangkan supaya kajian berkaitan hal ini harus dijalankan untuk meminimumkan daripada berlaku kesan yang lebih teruk kepada tingkah laku pelajar.

Walaupun bagaimanapun, pelajar masih dilihat mempunyai kesedaran tinggi terhadap beberapa perkara yang buruk untuk dicontohi. Item yang berbentuk negatif seperti 'media sosial menyebabkan saya memiliki alat yang boleh membahayakan orang lain', 'media sosial menyebabkan saya sering merosakkan kemudahan awam' dan 'media sosial menyebabkan saya mengugut seseorang' mendapat nilai min yang sangat rendah iaitu pada paras satu atau pun sangat tidak setuju.

Hasil kajian ini sangat menyokong ini kajian yang dilakukan oleh Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fakrudin, Mohamed Yusoff dan Ahmad Arifin Sapar (2013), kerana menurut mereka pelajar mungkin mendapat pengaruh yang kuat daripada media sosial secara tidak langsung tetapi tidak semestinya ia berbentuk negatif sehingga boleh mengubah dan menjejaskan tingkah laku pelajar dalam kehidupan harian mereka. Hasil dapatan kajian bagi item negatif dalam kajian mereka juga mendapat nilai min yang rendah dan sama seiring hasil kajian ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan didapati penggunaan media sosial memberi kesan yang positif kepada tingkah laku pelajar. Media sosial turut memberikan manfaat dan perkembangan pendidikan pada masa kini. Kebanyakan pelajar lelaki dan perempuan menggunakan media sosial untuk perkara yang berfaedah bagi tujuan pembelajaran. Di samping itu, pelajar juga turut menggunakan media sosial bagi aktiviti hiburan seperti untuk merehatkan minda dan medium untuk pelajar berkomunikasi dengan rakan mereka. Ini bermakna media sosial mempunyai kepentingannya yang tersendiri kepada pengguna terutama pelajar.

Walaupun pelajar berada pada tahap awal remaja tetapi mereka tidak mudah terpengaruh dengan perkara negatif yang terdapat dalam media sosial. Pelajar juga mampu untuk memilih perkara yang baik dan buruk dalam media sosial. Hal ini kerana mereka dilihat sangat berhati-hati semasa berkongsi maklumat berkaitan hal peribadi diri pelajar terutama kepada rakan-rakan yang tidak dikenali. Ibu bapa juga perlu sentiasa memberi perhatian kepada anak-anak mereka supaya pelajar tidak merasa sunyi dan menggunakan media sosial sebagai pengganti. Selain itu, tindakan ibu bapa baik akan sentiasa menasihati anak-anak mereka supaya mengulangkaji pelajaran secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi akademik di sekolah.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ahmad & Mohd Najib Husin. (2016). Penggunaan aplikasi rangkaian sosial dalam kalangan pelajar Politeknik Kuala Terengganu. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 1, 81-90.
- Azila Zaini. (2014, September 30). Bahana obsesi media sosial. *Utusan Online*. Diakses daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/bahana-obsesi-media-sosial-1.7718>
- [Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip & Ronnel Dunggi. \(2014\). Pengaruhmedia berunsur agresif dan kesannya terhadap tingkah laku pelajar sekolah menengah. *National Action Research Conference, Melaka, 25-26 Jun 2014. Malaysia.*](#)
- Bank, Z. N. & Tat, U. (25-27 Jun 2014). Social media and its effects on individuals and social systems. *The international Conference on Human Capital Without Borders: Knowledge and Learning for Quality of Life*. Portoroz, Slovenia.

Lee-Post, (2009). E-learning success model: An information system perspective. *Electronic Journal of e-learning*, 7(1), 61-70.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (19 Januari 2016). *Gadis dinoda kenalan baru dari media sosial*. Diakses daripada <http://www.lppkn.gov.my/index.php/2014-06-02-03-36-43/tahun-2016/663-harian-metro-gadis-dinoda-kenalan-baru-media-sosial.html>

[Rickless Das, Hj. Bahari & Habibie Ibrahim. \(2014\). Penggunaan internet dan kesannya terhadap kesejahteraan subjektif dalam kalangan remaja: perbandingan peranan tanggungjawab jenis-jenis gaya keibubapaan. *Persidangan Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah*. 11 Disember 2014. Malaysia.](#)

Sitezaleila Mustafa. (2016). Penggunaan laman sosial dan impaknya terhadap hubungan persahabatan dalam talian. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 65-81.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). (08 Nov 2017). *Internet users survey 2017*. Diakses daripada https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/MCMC-Internet-Users-Survey-2017_v2.pdf

[Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fakrudin, Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin Sapar. \(2013\). Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik, Malaysia. *Journal of Islamic Education*, 1\(1\), 17-27](#)